

JPA masih buka cadangan tambah baik struktur gaji penjawat awam

KUALA LUMPUR

Keputusan penambahbaikan sistem struktur gaji penjawat awam dijangka diumumkan pada pembentangan Belanjawan 2025 tahun ini.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam kenyataan pada Rabu, memaklumkan cadangan penambahbaikan itu akan dimuktamad dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri selewat-lewatnya pada awal suku kedua tahun ini untuk kelulusan.

“Penjawat awam di segenap lapisan perkhidmatan masih boleh mengemukakan cadangan penambahbaikan sistem saraan sedia ada meliputi segala aspek perkhidmatan melalui portal semakan saraan yang telah dilancarkan sejak 7 Ogos 2023 di pautan semakansaraan.jpa.gov.my sebelum 1 Mac 2024,” menurut kenyataan itu.

JPA memaklumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Selasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (JKSPA) Bilangan 2/2024 yang turut dihadiri Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Mesyuarat tersebut telah membincang dan menimbang inisiatif penambahbaikan dalam Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) terutama berkaitan dengan aspek meningkatkan pendapatan boleh guna penjawat awam.

“Penambahbaikan pendapatan boleh guna penjawat awam merupakan satu daripada fokus dalam pemerkasaan modal insan perkhidmatan awam untuk memangkin peningkatan produktiviti penjawat awam bagi merealisasikan aspirasi Malaysia



FOTO: FACEBOOK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Anwar berkata sesuatu kepada para pegawai kanan selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam pada Selasa.

Madani,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut, Perdana Menteri turut memberikan penekanan kepada elemen pembaharuan perkhidmatan awam seperti pendigitalan sis-

tem perkhidmatan, kerjasama strategik yang holistik serta pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-Nation*).

Kenyataan itu menambah, penambahbaikan struktur gaji itu

juga bagi memacu peningkatan kecekapan, keberkesanan dan profesionalisme perkhidmatan awam dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat serta negara. - Bernama

Peranan radio penting promosi kepelbagaian, perkasa komuniti

SHAH ALAM - Radio memainkan peranan penting dalam memupuk dialog, mempromosikan kepelbagaian dan memperkasakan komuniti di seluruh dunia bersesuaian dengan pematuhan terhadap Pertubuhan Standard Antarabangsa (ISO).

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna-Pengguna Standards Malaysia, Saral James Maniam berkata, penggunaan standard itu membolehkan penyiar radio berinovasi dan menyesuaikan landskap media untuk memberi maklumat, hiburan serta inspirasi kepada pendengar.

“Standard MS ISO 9001 membantu mempromosikan kualiti penyiaran yang konsisten, meningkatkan kecekapan operasi, kepuasan pelanggan, pengurusan risiko, mendorong budaya penambahbaikan berterusan dan memastikan pematuhan peraturan.

“MS ISO/IEC 27001 pula penting untuk pengurusan keselamatan maklumat dengan melindungi data sensitif, memastikan integriti penyiaran, melindungi privasi pendengar, dan mengekalkan kesinambungan perniagaan.

“Manakala MS ISO 14001 dirujuk untuk pengurusan alam sekitar dengan meningkatkan kecekapan tenaga dan reputasi jenama, melaksanakan amalan pengurusan sisa berkesan,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Tambah Saral, standard itu turut memainkan peranan penting bagi memastikan aksesibiliti kandungan radio kepada semua individu termasuk mereka yang tidak berkeupayaan.

Beliau berkata, ISO/IEC 40500 adalah standard yang direka untuk menjadikan kandungan digital seperti laman web dan platform dalam talian boleh diakses.



““
 Kita bukan sahaja merenung sejarah tentang radio tetapi perkembangannya yang berterusan dalam era digital.”
 - Saral

“Ia menyediakan rangka kerja untuk memastikan kandungan digital termasuk siaran radio yang diakses dalam talian oleh semua orang tanpa mengira keupayaan atau kekurangan mereka.

“Selain teknikal, ISO juga menekankan standard etika dan profesional dalam penyiaran radio seperti MS ISO 37001 untuk memastikan stesen radio mengekalkan integriti dan ketelusan dalam operasi mereka,” ujarnya.

Menurut Saral, radio mempunyai sejarah sejak 1800-an menjadikan ia salah satu bentuk media yang paling boleh dipercayai dan banyak digunakan di seluruh dunia.

“Semasa sambutan Hari Radio Sedunia pada tahun ini, kita bukan sahaja merenung sejarah tentang radio tetapi perkembangannya yang berterusan dalam era digital.

“Dengan kemunculan podcast, perkhidmatan penstriman dan radio internet menyebabkan jangkauan radio berkembang pesat selain mencapai pendengar di setiap sudut,” katanya.

Kesatuan perkhidmatan imigresen kemukakan tiga syor SSPA

PUTRAJAYA- Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung Malaysia (KPISM) telah mengesyorkan tiga penambahbaikan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan dilaksanakan kelak.

Presiden KPISM, Ajeet Singh Gurbax Singh berkata, ia merangkumi kemajuan kerjaya pegawai Imigresen agar dapat mengisi jawatan Pengarah Negeri dan Ketua Pengarah Imigresen.

“Pada masa ini jawatan tersebut diisi oleh pegawai tadbir dan diplomatik, jadi kami minta pegawai imigresen diberi peluang tersebut,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Menurut beliau, turut dikemukakan adalah bayaran insentif kepada semua kakitangan dan pegawai imigresen yang ketika ini terhad kepada anggota penguat kuasa dan pegawai bertugas di depoh dengan kadar RM200.

“Kita minta insentif itu diperluaskan kepada semua staf dan kadar itu dinaikkan kepada RM800 selaras dengan kompleksiti dan risiko yang dihadapi,” ujarnya.

Selain itu, kata Ajeet, skim perjawatan KP11 sehingga KP28 dan KP29 sehingga KP54 dicadangkan digabungkan.

“Cadangan ini penting bagi memastikan kemajuan kerjaya setiap anggota dan pegawai imigresen.

“Ini bermakna mereka yang berada di gred KP28 boleh dilantik secara dalaman kepada gred KP30,” jelas beliau.

Beliau berkata, kesemua syor tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 6 Februari lalu selepas sesi libat urus bersama Jawatankuasa Gred Keselamatan, Pertahanan Awam, Perundangan dan Pengangkutan.

Terdahulu, JPA dalam kenyataan memaklumkan penjawat awam di segenap lapisan perkhidmatan masih boleh mengemukakan cadangan penambahbaikan sistem saraan sedia ada meliputi segala aspek perkhidmatan melalui portal semakan saraan sebelum 1 Mac ini.

Ia dilancarkan sejak 7 Ogos 2023 melalui pautan semakan saraan jpa.gov.my.



AJEET SINGH